

# UKM dan UTM menjuarai bola tampar pantai UMS



**ASYRAAF Fong (kanan) dan Abd Ghani (kiri) bersama pemenang-pemenang bagi kategori lelaki mengikut kedudukan podium.**



**ASYRAAF Fong (kanan) dan Abd Ghani (kiri) bersama pemenang-pemenang bagi kategori wanita mengikut kedudukan podium.**

**Oleh DESMOND QWEK**  
komaqwek2k5@gmail.com  
U3 30-4-2013 A13

**KOTA KINABALU:** Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) A dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) masing-masing menjuarai kategori lelaki dan wanita pada Kejohanan Bola Tampar Pantai Universiti Malaysia Sabah 2013 pada Ahad.

UKM A gandingan mantap Mohd Fitri-Salim dan Muhamad Azli Zamri mencatat kemenangan 21-14, 2-16 menewaskan pasukan Pusat Sukan UMS B Mohd Faiz Putra dan Ahmad Fadly Abd Rahman untuk menjuarai kategori lelaki.

Sambil bagi penentuan tempat ketiga, pasukan Pusat Sukan UMS A berjaya menundukkan pasukan Labuan dengan keputusan 15-10, 15-13.

Persaingan kategori wanita pula menyaksikan UTM gandingan Ursula Moh Heong Cheng dan Goh Ser Mui muncul selaku juara selepas menewaskan pasukan Jabatan Air Tawau gandingan Siti Sakinah Mohd Aslam dan Kartini Sahadan menerusi kemenangan mudah 21-5, 21-10.

Pemenang tempat ketiga

disandang oleh pasukan Pusat Sukan UMS selepas mengalahkan pasukan UMS dengan keputusan 15-13, 15-11.

Pengarah Unit Sukan UMS, Mohd Asyraf Fong Abdullah dan rakan sejawatan dari UTM Abd Malik Abd Ghani menyampaikan hadiah kepada pasukan-pasukan pemenang,

Asyraf ketika ditemui selepas kejohanan selesai, berkata kejohanan tersebut akan dianjurkan secara tahunan selepas mendapat sambutan penyertaan yang begitu menggalakkan sekali.

“Tahun depan kita berazam untuk menjadikan kejohanan ini lebih besar lagi,” ujar beliau sambil menambah kejohanan tahun ini disertai oleh 51 pasukan dari seluruh negara termasuk Semenanjung Malaysia, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah.

Bagi pihak penganjur, Asyraf merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak pentadbir UMS, parapenaja, sukarelawan, para peserta dan penyokong yang hadir memberikan sokongan, memeriahkan dan seterusnya menjayakan kejohanan tiga hari tersebut.